

Negara2 miskin perlu bantuan bukan sedekah

UM 23 AGO 1982

KUALA LUMPUR, 24 Ogos -

Datuk Sri Dr. Mahathir

Mohamad hari ini mengingatkan negara-negara maju bahawa negara-negara miskin memerlukan bantuan, bukannya sedekah dan ia boleh disalurkan menerusi ahli sains untuk meningkatkan pengetahuan saintifik dan teknologi

-Dr. Mahathir

sebuah negara miskin.

Perdana Menteri berpendapat masyarakat dunia sama juga seperti masyarakat manusia yang miskin lebih ramai daripada yang kaya tetapi malangnya prinsip yang kaya hendaklah menolong yang miskin tidak diterima.

"Mungkin ini kerana negara-negara miskin tidak terdaya mengancam yang kaya, tidak seperti para pekerja berupaya berbuat demikian terhadap majikan melalui kesatuan.

"Walau apapun sebabnya, tanggungjawab sosial negara-negara masih belum dipupuk dengan baik", tegasnya ketika merasmikan mesyuarat dua tahun sekali ke-12 Majlis Sains Komanwel di sini.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menggesa negara-negara maju dalam Komanwel supaya memainkan peranan lebih bermakna untuk mengurangkan masalah dan kesulitan negara anggota membangun terutama dalam sains dan teknologi.

Dalam hubungan ini, beliau mahu negara-negara maju bersikap lebih liberal bukan sahaja dalam mengimport barang-barang dari negara membangun tetapi juga dalam pemindahan pengetahuan sains dan teknologi.

Perdana Menteri yakin hanya dengan kesediaan untuk berkongsi dan membantu dapat diadakan peranan lebih bermakna untuk mengurangkan masalah dan kesulitan negara-negara membangun dalam Komanwel.

Untuk itu, beliau menggesa Majlis Sains Komanwel bertindak sebagai penggerak dalam meningkatkan kerjasama di kalangan negara anggota bagi meninggikan keupayaan negara-negara individu menggunakan sains dan teknologi ke arah kemajuan sosial dan ekonomi.

Pegangan Malaysia, kata Perdana Menteri, sains dan teknologi hendaklah digunakan bukan sahaja untuk kemajuan kebendaan sebuah negara tetapi juga untuk peningkatan mutu kehidupan dan pencapaian perdamaian dan harmoni di dalam negara dan antara negara.

Kerjasama

"Walaupun negara ini memerlukan kerjasama negara-negara maju untuk kemajuan ekonominya, ia juga memberi penekanan kepada keupayaan berdikari", tegasnya.

Menurutnya, penggunaan rekaan dan penemuan dari luar merupakan sebahagian daripada proses berdikari itu dan dengan itu adalah perlu dikenal pasti teknologi manakah yang boleh digunakan atau diubahsuikan mengikut keadaan dan keperluan negara.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menyentuh tentang jenis bantuan yang diperlukan oleh negara-negara membangun seperti Malaysia untuk terus maju.

"Saya menyentuh perkara ini dengan harapan para peserta yang mewakili negara-negara maju akan mengkaji bagaima-

mana mereka dapat menolong dengan mengambilkira kerjasama dan sokongan yang dapat kita berikan kepada mereka untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir percaya negara-negara maju juga akan memperoleh keuntungan dengan menerima lebih ramai anggota dari negara membangun untuk dilatih dalam bidang sains dan teknologi.

Dengan menerima lebih ramai anggota untuk dilatih, negara-negara maju juga akan dapat memperluaskan pengetahuan dalam penggunaan rekaan atau penemuan baru.

Selain daripada itu, para anggota yang telah menerima latihan merupakan "jurujual" terbaik bagi teknik-teknik dan alat-alat yang dikeluarkan oleh negara-negara maju hasil penyelidikan yang dijalankan.

Perdana Menteri juga menggesa agar negara-negara membangun dibantu mencapai tahap keupayaan kewangan yang membolehkan membeli alat-alat dan barang-barang yang mereka perlukan.

Mesyuarat Majlis Sains Komanwel akan berlangsung seminggu dan dihadiri oleh 40 orang peserta mewakili 28 negara termasuk Australia, Bangladesh, Botswana, Canada, Cyprus, Lesotho, Malawi, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Uganda, Switzerland, dan Malaysia.